

11/10/1999

BN Selangor sedia senarai calon

SHAH ALAM, Ahad - Barisan Nasional (BN) Selangor sudah menyediakan senarai calon yang akan bertanding dalam semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata semua nama calon dari parti Umno dan komponen BN lain sudah siap disenaraikan untuk dihantar kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN pada bila-bila masa saja yang dikehendaki.

Menurutnya, BN Selangor sudah bersiap sedia menanti pengumuman tarikh pilihan raya dan jentera pilihan raya di peringkat negeri sudah mengadakan persiapan yang sewajarnya untuk memastikan BN menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan DUN yang dipertandingkan di negeri itu.

"Kita sudah menyediakan senarai nama itu dan bersedia menghantarnya pada bila-bila masa yang diminta Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Sepetang BN Bersama Korporat Kapar dan Klang di Kelab Shah Alam, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi BN Parlimen Kapar, Datuk Seri Onn Ismail.

Mengenai peratusan muka baru yang disenaraikan, Abu Hassan berkata, perkara itu adalah amalan biasa setiap kali menjelang pilihan raya umum.

"Saya tidak dapat hendak kata berapa peratus muka lama dan muka baru. Kita tungguilah pengumumannya nanti," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau meminta semua ahli Umno memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan pimpinan Dr Mahathir yang terbukti mampu memerintah negara dengan cara tersendiri tanpa memerlukan bantuan luar.

Katanya, kebijaksanaan Perdana Menteri membolehkan negara pulih daripada kegawatan ekonomi dalam masa yang singkat dan rakyat negara ini tidak mengalami kesengsaraan seperti rakyat di beberapa negara lain.

(END)